

Headline **Asiatic, UPM tubuh dana Lim Goh Tong**
Date **31. May 2008** Language **MALAY**
Media Title **Utusan Malaysia** Page No **24**
Section **Dalam Negeri** Article Size **111** cm2
Circulation **238082** Frequency **Daily**
Readership **833287** Color **Full Color**



Asiatic, UPM tubuh dana Lim Goh Tong

SERDANG 30 Mei - Syarikat hartanah, Asiatic Development Berhad (Asiatic) semalam menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi menubuhkan dana bernilai RM1 juta untuk meningkatkan tahap pendidikan dan penyelidikan universiti itu.

Tabung tersebut yang dikenali sebagai Dana Pembiayaan Tan Sri Lim Goh Tong merupakan usaha memperingati jasa serta sumbangan pengasas Asiatic itu.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha Abdullah berkata, dana itu akan digunakan bagi menganugerahkan biasiswa kepada pelajar miskin, menaja program penyelidikan relevan kepada UPM dan Asiatic serta membiayai aktiviti pengajaran dan pembelajaran universiti.

"Basiswa yang dikenali sebagai Biasiswa Tan Sri Lim Goh Tong juga akan diberikan kepada pelajar yang layak," katanya pada majlis menandatangani MoA di kampus UPM di sini semalam.

Pengerusi Asiatic, Tan Sri Mohd. Amin Osman dan Mustapha masing-masing menandatangani MoA itu bagi pihak Asiatic dan UPM.

Asiatic yang merupakan syarikat subsidiari Genting Berhad terlibat dalam sektor perladangan, hartanah dan bioteknologi dan telah beroperasi sejak 1977.

Sementara itu, Mohd. Amin berkata, kerjasama dengan UPM ialah antara tanggungjawab sosial Asiatic dalam melahirkan pelajar berkualiti untuk menjadi pemimpin pelapis pada masa depan.

Katanya, Asiatic adalah sebuah syarikat yang berpengalaman dalam industri minyak sawit dan ini memudahkan mereka bekerjasama dengan UPM yang berpengalaman dalam bidang penyelidikan pertanian.

Tambah beliau, kedua-dua entiti tersebut akan melantik tiga wakil untuk membentuk jawatankuasa bagi mengendalikan dana tersebut.